

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JANUARY 2017

REAKSI
DR. MAHATHIR SOKONG BRIM

um-16/1/2017



"BELIAU (Tun Dr. Mahathir Mohamad) pun cepat sedar. Saya anggap itu satu kematanganlah...dan beliau boleh terima BRIM, sebagai sesuatu yang baik."

TAN SRI SHAHRIR ABDUL SAMAD
Pengerusi Kelab Penyokong
Barisan Nasional (BNBBC)

"SEBELUM ini Dr. Mahathir mengecam hebat BRIM, namun kenyataannya semalam jauh bercanggah dengan apa diperkatakan. Beliau bagaikan menjilat ludahnya kembali dan melambangkan prinsipnya yang rapuh apabila bertukar-tukar pendirian. Ini cerminan kepada parti yang kononnya cuba membentuk kerajaan pada masa akan datang.

DATUK SERI DR. IRMOHIZAM IBRAHIM
Ahli Majlis Tertinggi UMNO





"RAKYAT seharusnya bijak menilai prinsip dan kenyataan berubah-ubah Dr. Mahathir mengenai dasar kerajaan. Dengan apa yang beliau katakan semalam, ada dua kemungkinan iaitu mereka setuju untuk meneruskan budaya 'rasuah' jika mereka menang atau pandangan mereka terhadap BRIM sudah berubah. Apabila sudah tua (Dr. Mahathir), dia mungkin lupa apa yang dikatakannya.

DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
Presiden MIC

"DR. MAHATHIR nampaknya sudah mula memutar belit kenyataan. Beliau telah memalukan dirinya sendiri kerana tidak konsisten dalam membuat kenyataan dan orang yang tidak lagi konsisten ini bahaya, lebih-lebih lagi kita yang dekat dengan beliau perlulah sentiasa berhati-hati.

DATUK SERI IDRIS HARON
Ketua Menteri Melaka

